



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN (PENCEN)  
Aras 2-5, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : Pusat Panggilan: 03-88854906/03-88854475/03-88854477  
Faks : 03-88892193/88892196  
Web : <http://www.jpapencen.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO SIJIL : MY-AR : 4697

Rujukan : **JPA/PEN(R)256/6/3 (29)**  
Tarikh : **25 Januari 2012**

Edaran Kepada Semua  
Kementerian/Jabatan/Agensi Sektor Awam

Tuan,

**MOHON MAKLUMAT/DATA OPSYEN UMUR PERSARAAN PAKSA/WAJIB DI BAWAH SKIM SBPA (LAMPIRAN A), DATA BAKAL PESARA BAGI TAHUN 2012 (LAMPIRAN B) DAN DATA BAKAL PESARA BAGI TAHUN 2013 (LAMPIRAN C)**

Dengan hormatnya sukacitanya saya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011/ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2011/ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2011/ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011 yang telah berkuatkuasa mulai 1.1.2012 dan Seksyen 10 Akta Pencen 227 / 239 (1980) adalah juga dirujuk.

2. Jabatan ini (Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA) sedang mengumpul maklum balas data pilihan umur persaraan wajib (55/56/58/60 tahun) termasuk di bawah skim SBPA yang dibuat oleh pegawai di Kementerian/Jabatan/Agensi tuan mengikut gred jawatan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Kumpulan Pelaksana (Lampiran A).

3. Manakala data bakal pesara bagi tahun 2012 (Lampiran B) dan data bakal pesara bagi tahun 2013 (Lampiran C) diperlukan oleh Jabatan ini adalah bagi maksud untuk merancang tindakan mengurus pembayaran faedah persaraan tepat pada masanya. Sekarang ini data dari sistem HRMIS kurang *up to date* dan mengalami sedikit masalah.

4. Semua maklum balas data (Lampiran ini) hendaklah merangkumi agensi di bawah Kementerian tuan, kecuali.....akan diminta secara langsung oleh Jabatan ini kepada agensi tersebut.

5. Bagi keseragaman dan memudahkan maklum balas daripada pihak tuan, semua Lampiran tersebut telah disediakan dalam bentuk MS Excel yang boleh pihak tuan capai (download) di paparan utama laman web Jabatan ini iaitu <http://www.jpapencen.gov.my>

5. Bagi keseragaman dan memudahkan maklum balas daripada pihak tuan, **semua Lampiran** tersebut telah disediakan dalam bentuk **MS Excel** yang boleh pihak tuan capai (*download*) di paparan utama laman web Jabatan ini iaitu <http://www.jpapencen.gov.my>

6. Setelah selesai pihak tuan isikan semua data/lampiran tersebut adalah dimohon pihak tuan dengan segera menghantar *softcopy* data/lampiran tersebut ke Jabatan ini melalui tangan atau e-mel kan ke [opsyenumur@jpa.gov.my](mailto:opsyenumur@jpa.gov.my) atau [zahrol@jpa.gov.my](mailto:zahrol@jpa.gov.my) atau [hanani@jpa.gov.my](mailto:hanani@jpa.gov.my) selewat-lewatnya pada **15.2.2012** (Rabu).

7. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai Jabatan ini iaitu En. Ghazali b. Hizam di talian 03-88854005 atau En. Zahrollail b. Zainal di talian 03-88854128 atau Pn. Nur Hanani bt. Muhammad di talian 03-88854844.

Sekian, atas kerjasama tuan diucapkan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**(DATO' YEOW CHIN KIONG)**  
Pengarah  
Bahagian Pasca Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**